

IKHWĀN AL-MUSLIMĪN

BERKORBANLAH UNTUK MENINGGIKAN AGAMA ISLAM

(OLEH MUHAMMAD ‘ALĪ AL-‘AMĪDĪ)

[“Berkorbanlah untuk I’la’ kalimah Allah” demikianlah tajuk khutbah yang bersemangat yang telah diwajibkan oleh Kiyai Muhammad ‘Alī al-Ḥamīdī ulama Indonesia yang terkenal di hadapan beribu-ribu umat Islam Indonesia di Tengerang baharu-baharu ini. Memandang isinya yang berharga maka kita turunkan di sini dari Majalah “Hikmah” Jakarta- P. Q.]



Mua’syir al-Muslimin!

Allah Maha Besar! Kita agungkan namanya pada hari raya Aidiladha ini. Kita syukuri nama-Nya, kita tegakkan kalimah-Nya, kita besarkan syiar-Nya. Kita patuhi perintahnya, kita bela dan pertahankan kesucian agamanya dengan segala apa yang dapat kita korbankan. Mudah-mudahan semua itu menjadi amal soleh yang berkebakjikan dan diterima Allah dengan pengampunan dan pahala yang berlipat ganda.

Di tengah-tengah masyarakat yang dihinggapi berbagai macam krisis: Krisis ekonomi, krisis akhlak, krisis rumah tangga, krisis negara dan lain-lainnya.

Alḥamdulillāh kita umat Islam masih sanggup bersyukur dan berterima kasih kepada Allah Subḥānahu wa Ta’ālā, masih patuh dan sanggup kita menjalankan perintahnya, walaupun jumlah kita tiada banyak, dibandingkan dengan jumlah orang-orang yang lupa kepada Tuhan dan ingkar akan nikmatnya.

Memang demikianlah, orang-orang yang sanggup bersyukur dan

berterima kasih kepada Allah sedikit jumlahnya.

Firman Allah Ta’ālā, maksudnya:

“Dan memang sedikit dari hamba-hambaku bersyukur”.

- Sabā’ 13.

Itulah dasar pertama dari kegembiraan kita pada hari ini iaitu dapat kita mensyukuri nikmat Tuhan.


Yang keduanya kerana dengan bersyukur dan beriman itu, kita terhindar dari azab seksaan.

Firman Allah Ta’ālā, maksudnya:

“Allah tidak akan menyiksa kamu, jika kamu bersyukur dan beriman, kerana Allah itu Maha Pembalas terrima kasih, Maha Mengetahui”.- al-Nisā’ 174.

Saudara-saudara kaum muslimin,

Syukur menurut pandangan Islam, tidak sahaja dilakukan dengan hati dan lidah, tetapi juga harus disertai dengan amal perbuatan yang nyata. Maka tanda syukur seorang



Umat Islam sedang menunaikan sembahyang dengan khusuknya, suatu pemandangan di Jakarta.

Hamba kepada Tuhannya, ialah mengerjakan perintah-Nya dan menjauhkan larangan-Nya dengan tidak memakai timbang dan rasa dahulu. Di mana ada sahaja perintah Allah, di sanalah muslim sejiatisiap sedia mengerjakannya, dan di mana sahaja terdapat larangan Tuhan, di sanalah muslim sejati menyediakan langkah seribu buat menjauhkannya.

Untuk melaksanakan perintah-perintah agama, diperlukan sangat pengorbanan tenaga, fikiran dan harta benda. Bahkan kalau perlu, jiwa harus dikorbankan.

Segala pengorbanan pada jalan Allah untuk menegakkan kalimah Allah dan dilakukan kerana bakti kepada-Nya, tidaklah akan tersia-sia semuanya akan diberikan pahala berlipat ganda, baik pengorbanan besar mahu pun kecil, sehingga penderitaan haus dan lapar, penat dan letih, masih juga bernilai tinggi pada sisi Allah dan dimasukkannya menjadi amal sah.

Firman Allah Ta'ālā maksudnya:

“Yang demikian itu kerana tidak akan mengenai mereka dahaga dan penat dan tidak pula kelaparan di jalan Allah, dan tidak mereka memihak suatu tempat yang dapat menjadikan marah orang-orang kafir, dan tidak mereka menderita suatu penderitaan dari musuh, melainkan adalah semua itu dituliskan bagi mereka suatu amal soleh, sesungguhnya Allah tidak menyia-nyiakan pahala orang-orang yang berbuat baik. Dan begitu juga tidak mereka membelanjakan sesuatu yang kecil atau yang besar dan tidak pulamereka melintasi satu lembah, melainkan dituliskan pahala bagi mereka, kerana Allah hendak membalas mereka dengan balasan yang lebih baik daripada apa yang mereka kerjakan.”- al-Tawbah, 120-121. Saudara-saudara kaum muslimin,

Aidiladha dirayakan oleh umat Islam seluruh dunia dengan solat (sembahyang) dan korban binatang dari

orang-orang kaya untuk dibahagikan kepada orang-orang miskin.

Suatu ajaran yang tetap berlaku setiap tahun, untuk merapatkan perhubungan antara dua kelas manusia yang berlainan keadaannya itu, iaitu antara golongan yang mampu dan golongan yang tidak mampu.

Islam tidak menghasut yang tidak mampu supaya membenci golongan yang mampu, sebagaimana yang dilakukan kaum komunis menghasut kaum buruh supaya membenci kaum kodal atau tuan tanah. Islam jauh daripada itu!

Tidak pula Islam menganjurkan kepada golongan yang mampu supaya hidup mementingkan diri sendiri dan melupakan golongan yang tidak mampu, sebagaimana dilakukan oleh kaum kapitalis. Islam jauh daripada itu!

Tetapi Islam memberi suatu jalan yang dapat menghubungkan antara dua kelas manusia sehingga bersaudara dan bekerja sama dalam menunaikan kewajipan terhadap Khaliq dan makhluk.

Perhatikanlah bagaimana Nabi Muhammad (SAW) memberikan nasihat kepada seorang majikan terhadap buruhnya sabdanya:

“Hamba-hamba kamu itu saudara kamu, Allah jadikan mereka berada di bawah kekuasaan kamu, maka barang siapa saudaranya berada di bawah kekuasaanmu, maka hendaklah ia beri makan daripada apa yang ia makan, dan hendaklah ia beri pakai dari apa yang ia pakai. Janganlah kamu bebankan mereka apa-apa yang memayahkan. Maka jika kamu bebankan mereka hendaklah kamu membantunya.”- al-Bukhārī.

Demikianlah juga Allah Subhānahu wa Ta’ālā memberi panduan kepada orang hartawan terhadap orang-orang yang tidak mampu.

Firman Allah Taala, maksudnya:

“Dalam harta mereka ada hak untuk orang yang meminta dan orang miskin.”- al-Dhāriyāt, 19.

Alangkah tingginya didikan Islam itu, si kaya dan mampu dapat bersyukur kepada Allah, kerana dia telah dapat menolong saudaranya yang tidak mampu. Dan si miskin dapat pula

bersyukur kerana dia dapat tertolong dari kemelaratannya dengan perantaraan saudaranya yang mampu.

Sama-sama bersyukur kepada Allah. Sama-sama bersukacita, dan sama-sama membina suatu masyarakat damai dan rukun di antara sesamanya.

Demikianlah kalau umat berjalan di atas dasar pertunjuj Tuhan. Nescaya masyarakatnya damai, hidupnya subur diberkati Tuhan.

Firman Allah Subhānahu wa Taala, maksudnya:

“Kalau sekiranya mereka lurus di atas jalan yang benar, nescaya kami turunkan kepada mereka air hujan lebat. Supaya kami menguji mereka tentang yang demikian. Barangsiapa yang berpaling dari pengajaran Tuhan (Quran) nescaya dimasukkannya ke dalam seksaan yang susah”.- al-Jin, 16-17.

Saudara-saudara kaum muslimin

Hendaklah kita berbesar hati dengan pengorbanan yang telah kita diberikan untuk menegakkan kalimah Allah, sekalipun andainya pada waktu ini belum merasai hasil buahnya, namun semua itu sudah tercatat pada sisi Allah menjadi amal soleh yang besar pahalanya.

Yang penting bagi kita ialah patuh menjalankan perintah Allah dan Rasu-lNya di tempat-tempat yang diminta kita berkorban.

Tengoklah, perhatikanlah dan jadikanlah contoh tauladan kepatuhan ketaatan Nabi Ibrāhīm ‘alayhi al-salam dalam melaksanakan perintah Allah dengan pengorbanan seorang puteranya yang tercinta, Nabi Ismā‘īl ‘alayhi al-salam buat disembelih. Puteranya pun menjadi contoh tauladan tinggi dalam persediaannya menjadi korban untuk kepentingan perintah Allah. Oleh kerana ternyata kepatuhan si bapa dan si anak dalam menjalankan perintah Tuhan, maka digantikan dengan pengorbanan seekor kambing yang besar lalu disembelihnya.

Dalam riwayat tadi mengandungi beberapa hikmah dan pelajaran. Pertama, contoh kesempurnaan taat seorang hamba kepada TuhanNya, sekalipun diperintah mengorbankan anaknya.

Kedua, kesyukuran yang besar kepada Allah Subhānahu wa Ta'ālā dengan pengantian pengorbanan itu, dan ketika perbuatannya ia menjadi tauladan besar dalam pengorbanan bagi umat manusia sesudahnya.

Yang demikian ini, diterangkan kepada Allah di dalam al-Quran maksudnya: "kami (Allah) tebus puteranya itu dengan seekor kambing yang besar, dan kami tinggalkan sebutannya yang baik bagi orang-orang yang kemudian. Sejahteralah atas Ibrahim, begitulah kami membalas orang-orang yang berbuat baik. Sesungguhnya dialah daripada hamba-hamba kami yang mohon". - al-Şāffāt, 107-111."

Demikianlah contohnya pengorbanan yang dilakukan oleh nabi Ibrahim a'lahissalam sehingga menjadi ketetapan syariat dalam agama Islam, yang pada hari ini setelah selesai solat al-aid, akan dilakukan pengorbanan binatang oleh kaum muslimin seluruh dunia.

Saudara-saudara kaum muslimin,

Kalau tidak diundur-undurkan lagi, maka dalam tempoh tidak lama lagi di tanah air kita Indonesia akan diadakan penyembelihan umum.

Tentang hukum penyembelihan umum, ada baiknya di sini kita perhatikan fatwa alim-ulama seluruh Indonesia dalam kongres di Kota Medan pada tahun 1953 yang lalu sebagai berikut.

1. Tiap-tiap warganegara Indonesia yang beragama Islam, lelaki dan perempuan yang mempunyai hak pilih menurut undang-undang pemilihan umum Indonesia yang telah disahkan:

- a. Wajib menjalankan hak pilihnya dengan jalan mendaftarkan diri sebagai pemilih dan memberikan suaranya kelak pada waktu diadakan pembuangan bayi.

- b. Wajib memilih hanya calon-calon yang mempunyai cita-cita terlaksananya ajaran dan hukum Islam dalam negara.

2. Kaum muslimin lelaki dan perempuan yang telah mukallaf (akil baligh) wajib berusaha dan memberikan segala macam bantuan dan pengorbanan untuk terciptanya kemenangan Islam di dalam pemilihan umum yang akan datang.

Saudara-saudara kaum muslimin.

Demikianlah keputusan alim ulama seluruh Indonesia tentang hukum pemilihan umum.

Di sini perlu kita perkatakan dua perkara yang menjadi soal penting yang harus kita ketahui pada waktu sekarang ini.

Pertama, wajib menjalankan hak pilih. Sebab kalau kita tidak turut serta memilih bererti kita telah mengurangi kekuatan kaum muslimin, yang mana menunaikan dapat dikalahkan oleh golongan lain yang tidak bercita-cita dan tidak bertujuan menegakkan kalimah Allah di bumi Indonesia. Bahkan mungkin dikalahkan oleh golongan yang tidak bertuhan dan tidak beragama. Atau golongan yang bercita-cita membasmi agama dan menghapuskan faham bertuhan kepada Allah Subhānahu wa Ta'ālā.

Kedua, tentang wajib memberikan bantuan dan pengorbanan untuk terciptanya kemenangan Islam.

Kalau kita bakhil dan kikir dalam perkara pengorbanan buat kepentingan ini, maka samalah ertinya dengan kita membunuh diri sendiri sebagai umat Islam, kerana kita tidak berkuasa dan agama Islam tidak berpengaruh

lagi kepada umat yang baik, apalagi kalau kekuasaan itu jatuh kepada golongan yang bercita-cita hendak menghapuskan agama dari bumi Indonesia.

Ingatlah firman Allah Subhānahu wa Ta‘ālā, maksudnya:

“Dan belanjakanlah harta kamu pada jalan Allah dan jangan kamu campakkan diri kamu kepada kebinasaan.

Dan berbuatlah kebaikan, sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berbuat kebaikan”- al-Baqarah, 195.

Ayat Quran yang begitu tegas menyuruh kita mengeluarkan harta pada jalan Allah, dan tegas pula diterangkan bahayanya kalau kita tahan, menunjukkan bahawa kita disuruh sungguh-sungguh dan sampai cukup betul mengeluarkan harta untuk kepentingan jalan Allah. Kerana kalau tidak begitu nescaya kita akan dapat kekalahan, mendapat kekalahan itu bererti kebinasaan di atas kita. Dan kebinasaan itu kelak bukan dari musuh, tetapi dari perbuatan kita sendiri, iaitu kerana kita tidak bersedia betul-betul mengeluarkan harta untuk kepentingan pada jalan Allah.

Nabi Muhammad (SAW) pun telah memberikan peringatan dalam sabdanya yang bermaksud:

“Hendaklah kamu jauhkan sifat kikir itu kerana sesungguhnya telah binasa orang-orang yang sebelum kamu kerana kekikirannya.”- Abū Dāwud dan Hakim.

Dalam pada itu perlu juga benar-benar jangan memilih orang yang tidak disukai oleh Allah, iaitu orang yang digambarkan oleh Tuhan dalam firman-Nya, dalam Surah al-‘Imrān, ayat 118, maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan tempat kepercayaan kamu lain daripada orang golongan kamu sendiri. Kerana golongan lain itu tidak putus-putusnya

berikhtiar bagi menyusahkan kamu, mereka ingin apa-apa yang mencelakakan kamu, sesungguhnya kebencian kepada kamu telah terbit dari mulut mereka, tetapi kebencian yang disembunyikannya dalam hati mereka ada lebih besar lagi, kami telah terangkan tanda-tanda itu kepada kamu, jika kamu mahu berfikir.”

Demikianlah Tuhan menunjukkan kepada kita orang-orang yang tidak boleh dipilih, yang dalam sangat pemilihan umum perlu dijaga bersama, perlu dijelaskan kepada teman-teman keluarga dan tetanggan bersama.

Hadapilah saudara-saudara pemilihan umum itu dengan suara bulat. Janganlah kita tertipu dengan pengacau-pengacau agama. Dan berikanlah bantuan pengorbanansecukupnya untuk mencapai kemenangan Islam dan kaum muslimin.

Marilah kita memohonkan doa kepada Allah Subhānahu wa Taa‘lā.

Ya Allah, Tuhan kami Yang Maha Kuasa! Satukanlah hati kami muslimin dan pemilihan umum. Kuatkanlah persatuan kami, dan tunjukkanlah kepada kami jalan yang betul untuk mencapai kemenangan, supaya agamamu dapat kami tegakkan di atas bumi Indonesia, sehingga ia mengatasi segala agama, dan hukum-hukum agamamu berpengaruh kepada orang seorang dan kepada masyarakat.

Ya Allah, Tuhan kami Yang Maha Gagah! Kecewakanlah segala golongan yang mengingkari agamaMu dan menghapuskan namaMu, pecahkanlah persatuanNya, dan hindarkanlah kami dari segala tipu daya yang menyesatkan.‘

Ampunilah dosa kaum muslimin seluruh dunia, yang sudah mati dan masih hidup. Termalah segala amalnya yang baik. *Amin. Allāhumma Amīn.*